

MAJLIS DAERAH MUAR UTARA TANGKAK

UNDANG – UNDANG KECIL TAMAN

UNDANG – UNDANG KECIL	NO / TARIKH WARTA	TARIKH KUATKUASA
Undang – Undang Kecil Taman (MDMU)	J.P.U. 58 (B.M) – 16.8.1990	16.8.1990
	J.P.U. 58 (B.I) – 16.8.1990	16.8.1990



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 34
No. 17

16hb. Ogos, 1990

TAMBAHAN No. 18
PERUNDANGAN

J. P.U. 58.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN
(MAJLIS DAERAH MUAR UTARA) 1987

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta ^{Akta 171.} Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Daerah Muar Utara, Tangkak membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Muar Utara) 1987 dan hendaklah dipakai dalam kawasan Majlis sahaja. ^{Nama dan Pemakaian.}

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika kandungan ^{Tafsiran.} ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Kenderaan bermotor” ertinya setiap jenis kenderaan yang digerakkan oleh jentera yang terdapat di dalamnya dan dibina atau disesuaikan untuk membolehkannya digunakan di atas jalan, dan termasuklah trailer;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Muar Utara; n;

“Struktur” ertinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, papantanda, khemah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa bangunan lain daripada apa-apa jenis bahan sekalipun;

“Taman” termasuk kawasan lapang, siar-kaki, taman rekreasi atau hiburan, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan, rizab jalan, tobing sungai atau mana-mana pekarangan yang disenggara oleh Majlis untuk tujuan perhiasan atau rekreasi;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Muar Utara dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Kesalahan-
kesalahan.

3. Mana-mana orang yang berada di dalam mana-mana taman yang:

- (a) mengalih atau merosakkan apa-apa notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan di dalamnya;
- (b) menampalkan atau menegakkan apa-apa bill, pekat, notis, panji-panji, sepanduk atau iklan pada atau di atas sesuatu tembok, pokok, pagar atau struktur;
- (c) menggunakan apa-apa alat pembesar suara, amplifier, sistem siaraya atau lampu tumpu;
- (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencatitkan mana-mana tempat duduk, perkakas tempat permainan kanak-kanak atau lain-lain peralatan;
- (e) membuang atau menimbun apa jua kekotoran sampah atau sampah sarap;
- (f) memanjat mana-mana tembok, pagar, struktur atau pokok;
- (g) menunggang atau memandu basikal atau kenderaan bermotor di atas mana-mana rumput atau korong kaki;
- (h) berjalan di atas batas bunga atau pokok-pokok renik;
- (i) memotong, mengalih, merosakkan atau memusnahkan mana-mana bunga, benih, tumbuh-tumbuhan atau pokok-pokok;
- (j) mengalih mana-mana rumput atau mengorek mana-mana tanah;
- (k) melontar atau membuang apa-apa batu atau lain-lain pelempar;
- (l) mandi di dalam mana-mana kolam atau anak sungai melainkan di tempat mandi yang ditetapkan oleh Yang Dipertua bagi maksud itu;
- (m) menggunakan sampan atau memancing di dalam mana-mana tasik atau anak sungai melainkan dengan kebenaran bertulis dari Yang Dipertua atau mengganggu dengan apa cara perjalanan air daripada mana-mana tasik yang melimpah;
- (n) memasang api atau melepaskan apa-apa bunga api atau mercun atau melepaskan tembakan tanpa alasan yang sah dari segi undang-undang apa jua senjata api atau senapang angin tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Yang Dipertua;
- (o) menerbangkan apa jua layang-layang atau bermain apa jenis permainan bola kecil di tempat yang diperuntukkan khas untuk permainan itu;

- (p) berumur lebih daripada 12 tahun. menggunakan apa jua perkakas padang-padang permainan kanak-kanak;
- (q) membasuh atau mengeringkan apa-apa barang atau memukul apa jua permaidani atau tikar;
- (r) mendirikan apa jua struktur tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Yang Dipertua;
- (s) mendedahkan untuk iualan atau menjual apa jua barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat dan masa untuk sesuatu upacara tertentu yang mungkin dibenarkan di dalamnya dan pada sesuatu masa yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
- (t) berkhotbah atau menyampaikan apa-apa syarahan kepada orang ramai atau berhimpun di dalam taman bagi tujuan mengadakan atau mengambil bahagian di dalam apa jua upacara agama, politik atau lain-lain periumoan atau mengadakan apa jua tunjuk perasaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Yang Dipertua;
- (u) menggunakan apa jua bahasa yang lucah atau sumbang atau menghalang mana-mana pegawai Majlis dalam menjalankan tugas-tugasnya;
- (v) melibatkan diri di dalam menjaga atau membasuh apa jua kenderaan bermotor tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Yang Dipertua,

adalah bersalah terhadap suatu kesalahan. .

4. (1) Tiada sesiapa boleh menyebabkan atau mengakibatkan mana-mana anjing atau binatang kepunyaannya atau di bawah jagaannya untuk memasuki atau tinggal di dalam mana-mana taman kecuali anjing atau binatang lain yang dirantai atau di bawah kawalannya yang betul.

Kemasukan anjing atau binatang.

(2) Jika sesuatu notis telah dilekatkan oleh Yang Dipertua melarang anjing dari memasuki mana-mana taman, tiada sesiapa boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing kepunyaannya atau yang di dalam jagaannya masuk atau berada dalam taman itu.

5. (1) Tiada sesiapa boleh menjerat atau membunuh mana-mana binatang atau burung di dalam sesuatu taman atau memiliki dalam sesuatu taman apa-apa alat perkakas untuk menjerat binatang atau burung. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis boleh mensita alat atau perkakas daripada mana-mana orang yang didapati berada dalam taman itu.

Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang.

(2) Yang Dipertua boleh mengarahkan perlupusan alat atau perkakas yang disita itu dengan cara sebagaimana difikirkan patut dan munasabah.

Kenderaan bermotor lebih dari dua tan dilarang.

6. Tiada kenderaan bermotor selain daripada kepunyaan Kerajaan atau badan-badan Berkanun, yang mempunyai berat muatan lebih daripada dua tan boleh memasuki sesuatu taman tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

Meletak kenderaan bermotor atau basikal sebarang di larang.

7. Tiada kenderaan bermotor atau basikal boleh diletak di mana-mana tempat dalam sesuatu taman kecuali di suatu tempat yang disediakan untuk meletak kenderaan bermotor atau basikal itu. Di dalam hal melanggar atau gagal untuk mematuhi Undang-Undang Kecil ini, pemilik berdaftar kenderaan bermotor itu akan dianggap telah melanggar atau gagal untuk mematuhi peruntukan ini jika orang yang benar-benar melanggar atau gagal untuk mematuhi peruntukan ini tidak diketahui atau tidak dijumpai.

Berkelakuan tidak sopan.

8. Mana-mana orang yang bersalah dengan berkelakuan tidak sopan terhadap mana-mana deskripsi atau melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil ini bolehlah diarahkan keluar daripada mana-mana taman oleh mana-mana pegawai Majlis atau pegawai polis dan dengan tidak membenarkan kemasukan kemudiannya. Mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah tersebut bolehlah dikeluarkan secara paksa oleh mana-mana pegawai Majlis atau mana-mana pegawai polis.

Penutupan taman.

9. Yang Dipertua boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa.

Penalti.

10. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pemansuhan.

11. Keseluruhan Bahagian II Butiran A dan D Undang-Undang Kecil Lembaga Bandaran 1937 adalah dimansuhkan sejauh mana ianya dipakai bagi Majlis.

Diperbuat pada 26hb. Mac, 1989.
[MDMU. 13/88/JF/A; PUNJ. 105 (UK).]

DATO' HAJI HASHIM BIN YAHYA,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Muar Utara,
Tangkak

Disahkan pada 1hb. Februari, 1989.
[KT. 24/69/5.]

TAN SRI HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN,
Menteri Besar Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PARKS (MAJLIS DAERAH MUAR UTARA) BY-LAWS 1987

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Majlis Daerah Muar Utara makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws; *Act 171.*

1. (1) These by-laws may be cited as the **Parks (Majlis Daerah Muar Utara) By-Laws 1987** and shall apply only to the area of the Council. Citation and application.

(2) These by-laws shall come into force on the date of its Publication in the *Gazette*.

2. In these by-laws, unless the context otherwise requires— Interpretation.

“Council” means the District Council of Muar North;

“Motor vehicles” means every description of vehicles propelled by means of mechanism contained within itself and constructed or adapted so as to be capable of being used on roads, and includes a trailer;

“parks” includes open spaces, walks, recreation or pleasure grounds, roundabouts, central dividers along roads, road reserves, river bank or any other grounds maintained by the Majlis for ornament or recreation;

“President” means the President of the District Council of Muar North and includes the Deputy President;

“structure” means any building, houses, hut, shed, stall, sign-board, tent, booth, table, pole, lean-to, shelter, roofed enclosure, any extension or any other erection of whatever materials.

3. Any person who in any park— Offences.

- (a) removes or defaces any notice or by-laws exhibited therein;
- (b) affixes or posts any bill, placard, notice, banner, flag or advertisement to or on any walls, tree, fence or structure;
- (c) uses any loud hailer, amplifier, public address system or spot light;
- (d) removes, displaces, injures, damages or defaces any seat, children's playground apparatus or other appliances;
- (e) throws or deposits any filth, rubbish or refuse;
- (f) climbs any wall, fence, structure or tree;
- (g) rides or drives a bicycle or motor vehicle over the lawn or foot path;
- (h) walks over flower beds or shrubberies;
- (i) cuts, removes, damages or destroys any flowers, seeds plants or trees;
- (j) removes any turf or excavates any earth;

- (k) throws or discharges any stone or other missile;
- (l) bathes in any lake or stream except at any bathing place established by the President for that purpose;
- (m) uses a boat, or fishes in any lake or stream except with the written permission of the President or interferes in any way with the flow of water from any lake over the spills;
- (n) kindles any fire or lets off any fireworks or crackers or discharges without lawful excuse any firearm or airgun without the prior written permission of the President;
- (o) flies any kite or plays any ball games except in the places expressly allotted for such games;
- (p) being over the age of 12 years, uses any children's playground apparatus;
- (q) washes or dries anything or beats any carpet or mat;
- (r) erects any structure without the prior written permission of the President;
- (s) exposes for sale or sells any goods, article or food or drink except at such places therein and on such occasions as may be approved by the President;
- (t) preaches or delivers any public address or assembles in the park for the purpose of holding or taking part in any religious, political or any other meeting or holds any demonstration without the prior written permission of the President;
- (u) uses any indecent or offensive language or behaves in an indecent or offensive manner or obstructs any Council officer in the execution of his duties;
- (v) engages in looking after or washing any vehicle in the surrounding area or adjacent to the park without the prior written permission of the President,

shall be guilty of an offence.

Entry of dogs
or animals.

4. (1) No person shall cause or suffer any dog or other animal belonging to him or in his charge to enter or remain in any park except a dog or other animal on a leash or under his proper control.

(2) Where a notice is affixed by the President prohibiting the entry of dogs into any park, no person shall cause or suffer any dog belonging to him or in his charge to enter or remain in such park.

Trapping or
killing of
fishes, animals
and birds
prohibited.

5. (1) No person shall trap or kill any fish, animals or bird in a park or have in his possession in a park any device or instrument for fishing, trapping or killing of fishes, animals or birds.

(2) The President may direct the disposal of the device or instrument seized in the manner as he deems fit and reasonable.

6. No motor vehicle other than those belonging to the Government or Statutory Bodies, of a laden weight of more than two tons shall enter any park without the written permission of the President. Motor vehicles over two tons prohibited.

7. No motor vehicles or bicycle shall be parked in any park except in a place which is reserved for the parking of such vehicle. In cases of contravention or failure to comply with this by-law, the registered owner of the vehicles shall be presumed to have contravened or failed to comply with this provision if the person who actually contravened or failed to comply with this provision is not known or cannot be found. Presumption.

8. Any person guilty of disorderly or improper conduct of any description or of the breach of any of these by-laws may be ordered out of any park by any council officer or police officer and may be refused admission subsequently. Any person refusing to obey such orders may be forcibly removed by such Council officer or police officer. Disorderly or improper conduct.

9. The President may close any park or any portion thereof at any time. Closure of Park.

10. Any person who contravenes any of the provision of these by-laws shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding five hundred ringgit or a term of imprisonment not exceeding six months or to both such fine and imprisonment. Penalty

11. The whole of By-Laws Part II Items A and D of the Town Board By-Laws 1937 are repealed in so far as they apply to the council. Repeal.

Made this 26th March, 1989.
[MDMU. 13/88/JF/A; PUNJ. 105 (UK).]

DATO' HAJI HASHIM BIN YAHYA,
President,
Majlis Daerah Muar Utara,
Tangkak

Confirmed this 1st February, 1989.
[KT. 24/69/5.]

TAN SRI HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN,
Menteri Besar, Johore